



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**
www.ijmoe.com



**KAJIAN KEPERLUAN KANDUNGAN MODUL ASAS
PENDEKATAN PEMBELAJARAN BERASASKAN MASALAH**
*NEEDS ANALYSIS OF BASIC MODULE CONTENT FOR PROBLEM-BASED
LEARNING APPROACH*

Ros Eliana Ahmad Zuki^{1*}, Noormawati Razali², Dzafira Mohd Sharani³, Siti Nur Aiza Razali⁴

- ¹ Jabatan Sains Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, Kedah, Malaysia
Email: ros.eliana@ipgm.edu.my
- ² Jabatan Teknologi Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, Kedah, Malaysia
Email: noormawati@ipgm.edu.my
- ³ Jabatan Bahasa, Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, Kedah, Malaysia
Email: dzafira@ipgm.edu.my
- ⁴ Jabatan Sains Sosial, Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, Kedah, Malaysia
Email: nuraiza@ipgm.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.12.2023
Revised date: 15.01.2024
Accepted date: 19.02.2024
Published date: 12.03.2024

To cite this document:

Zuki, R. E. A., Razali, N., Sharani, D. M., & Razali, S. N. A. (2024). Kajian Keperluan Kandungan Modul Asas Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah. *International Journal of Modern Education*, 6 (20), 294-304.

DOI: 10.35631/IJMOE.620023

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Dalam penyelidikan mengenai pembangunan modul, kajian analisis keperluan dijalankan bagi memastikan modul yang dihasilkan dapat memenuhi keperluan dan spesifikasi pengguna. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti keperluan kandungan modul pendekatan pembelajaran berasaskan masalah, dalam usaha menambah baik tahap penguasaan guru berkaitan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah. Bagi mewujudkan sebuah modul digital yang dapat memenuhi keperluan guru sebagai pengguna, analisis keperluan dijalankan terhadap lima orang guru sekolah di daerah Kubang Pasu. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual separa struktur dan teknik pensampelan bertujuan digunakan dalam pemilihan sampel. Data kualitatif daripada temu bual dikategorikan dan dianalisis untuk mengenal pasti tema dan memahami data. Analisis data telah mengenal pasti empat tema utama iaitu: (1) Pengetahuan guru berkaitan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah, (2) Kemahiran guru berkaitan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah, (3) Sikap guru berkaitan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah, dan (4) Ciri-ciri modul yang diharapkan oleh guru adalah ringkas, mudah difahami dan disertakan video tunjuk cara pelaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah. Analisis keperluan menunjukkan bahawa modul digital asas pendekatan pembelajaran berasaskan masalah mempunyai potensi untuk dibangunkan. Selain daripada empat tema utama yang dikenal pasti, cadangan

dan spesifikasi yang diperoleh daripada temu bual memberi maklumat yang berguna untuk membangunkan kandungan modul. Penemuan ini akan digunakan untuk mereka bentuk dan membangunkan kandungan modul dalam fasa seterusnya. Penemuan ini diharapkan dapat membantu menghasilkan modul pengajaran digital yang mampu memberi idea kepada guru untuk mengaplikasi pendekatan pembelajaran berasaskan masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran, dan seterusnya memastikan impak positif kepada pelajar.

Kata Kunci:

Modul Pengajaran Digital, Pendekatan Pengajaran, Pembelajaran Berasaskan Masalah

Abstract:

In research on module development, a needs analysis study is conducted to ensure that the module produced can meet the needs and specifications of users. This study was conducted to identify the content requirements of the problem-based learning approach module, in an effort to improve the level of teacher mastery related to the problem-based learning approach. In order to create a digital module that can meet the needs of teachers as users, a needs analysis was conducted on five school teachers in the Kubang Pasu district. Data collection was done through semi-structured interviews and purposive sampling techniques were used in sample selection. Qualitative data from the interviews were categorized and analyzed to identify themes and make sense of the data. Data analysis has identified four main themes which are: (1) Teacher knowledge related to problem-based learning approach, (2) Teacher skills related to problem-based learning approach, (3) Teacher attitude related to problem-based learning approach, and (4) Characteristics The module expected by the teacher is simple, easy to understand and includes a demonstration video of the implementation of the problem-based learning approach. The needs analysis shows that the basic digital module of the problem-based learning approach has the potential to be developed. Apart from the four main themes identified, the suggestions and specifications obtained from the interviews provided useful information for developing the module content. These findings will be used to design and develop module content in the next phase. This discovery is expected to help produce a digital teaching module that is able to give ideas to teachers to apply a problem-based learning approach in the teaching and learning process, and further ensure a positive impact on students.

Keywords:

Digital Teaching Module, Teaching Approach, Problem-Based Learning

Pendahuluan

Transformasi pendidikan bukan sahaja meliputi aspek pembangunan ilmu dan penyelidikan yang terkini, bahkan meliputi aspek pendekatan penyampaian ilmu kepada para pelajar. Kepentingan pendekatan penyampaian diakui oleh para pendidik yang dipertanggungjawab untuk menyampaikan ilmu baru kepada pelajar mereka khususnya disebabkan oleh perubahan psikologi pembelajaran pelajar.

Pemahaman guru tentang pendekatan yang diambil adalah penting agar pembelajaran pelajar tidak terjejas. Kejayaan sesuatu pendekatan pengajaran bergantung kepada pemahaman dan kesediaan guru terhadap pendekatan yang digunakan. Sehubungan dengan itu, guru seharusnya bersedia untuk memperbaiki diri dan mengubah pendekatan pengajaran seiring kemajuan teknologi dan keperluan kerjaya semasa (Ab Hakim & Iksan, 2018).

Pembelajaran di kebanyakan peringkat pada akhir-akhir ini lebih berfokuskan pelajar dan lebih mementingkan pengalaman sebenar. Keadaan ini adalah penting untuk memberi peluang yang lebih banyak kepada para pelajar mengadaptasikan diri mereka dengan alam pekerjaan dan alam kehidupan bermasyarakat. Pendekatan pembelajaran berasaskan masalah (PBM) atau Problem Based Learning (PBL) adalah salah satu daripada pendekatan pembelajaran yang menekankan pengalaman sebenar dan juga memberi tumpuan kepada pelajar.

Menurut Al Ghazali (1983) tanggapan pancaindera dan akal (memerhati dan berfikir) sahaja tidaklah mencukupi untuk memastikan pembelajaran benar-benar terkesan.

“Amat jauh bezanya seorang yang mengetahui takrif sihat dan takrif kenyang serta sebab-sebab dan syaratnya dengan seseorang yang benar-benar sihat dan kenyang...dari sini yakinlah aku bahawa para sufi memperolehi tasawwuf dari pengalaman dan keadaan yang dirasainya dan bukan diperolehi dari pengertian takrif yang boleh disusun dan dituturkan dengan perkataan.”

(Al-Ghazali, 1983: 53-54)

Pernyataan Al-Ghazali menjelaskan bahawa apa yang dialami atau dibuat sendiri adalah satu model PBM yang sistematik dan mampu memberi input bermakna dan terkesan.

Dalam pelaksanaan sesuatu pendekatan, pendidik perlu memainkan peranan penting bagi memastikan pendekatan yang dilaksanakan berjaya serta membantu dalam meningkatkan prestasi dan minat pelajar dalam sesuatu mata pelajaran (Mahamod dan Hassan, 2018 dan Thomas dan Surat, 2021). Oleh itu, pendidik perlu mempunyai pengetahuan tentang pendekatan yang digunakan dan bersikap positif terhadap pendekatan tersebut.

Justeru, pengkaji akan membangunkan sebuah modul asas pendekatan PBM. Harapan pengkaji, penggunaan modul ini dapat dijadikan panduan kepada pendidik untuk memantapkan pengetahuan serta kefahaman untuk melaksanakan pendekatan ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ke arah itu, kajian analisis keperluan ini dilaksanakan bagi mencungkil kandungan yang sepatutnya ada dalam modul yang akan dibangunkan.

Analisis Keperluan Sebagai Fasa Permulaan Kajian

Berdasarkan Witkin dan Altschuld (1995), keperluan adalah satu jurang antara ‘apa’ dan ‘apa yang sepatutnya’. Keperluan adalah satu jurang antara sebenar dan ideal yang kedua-duanya diakui oleh masyarakat sebagai nilai yang berpotensi membawa perubahan (Reviere, 1996) Fasa analisis keperluan memberi maklumat penting dalam menentukan reka bentuk dan pembangunan bahan instruksional (Gagne et.al., 2005). Ros Eliana (2014) merumuskan analisis keperluan bertujuan mendapatkan maklum balas untuk menghasilkan sesuatu yang inovatif bagi memperbaiki situasi semasa. Jelas disini analisis keperluan sebagai kaedah mengenal pasti kelompongan yang wujud terhadap isu yang dikaji dan cuba untuk menangani kelompongan tersebut.

Dalam konteks penyelidikan ini, kajian analisis keperluan dilakukan pada permulaan kajian pembangunan modul bagi mengetahui apakah keperluan isi kandungan modul yang relevan dalam usaha menambah baik tahap penguasaan guru berkaitan pendekatan PBM. Dapatan dalam fasa analisis keperluan digunakan pada fasa reka bentuk untuk dijadikan elemen-elemen dalam pembangunan modul. Seterusnya modul tersebut diaplikasikan dan dinilai keberkesannya berdasarkan objektif pembangunan yang ditetapkan. Bagi memperoleh data yang dapat digunakan untuk menghasilkan modul, objektif kajian bagi fasa analisis keperluan adalah seperti berikut:

i. Mengenal pasti keperluan kandungan Modul Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM).

Berdasarkan objektif kajian, penyelidikan ini juga dilakukan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan berikut:

i. Apakah keperluan kandungan Modul Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM)?

Sorotan Kajian

Penulisan Mohd Mokhzani dan Khairul (2021) menjelaskan bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran masih lagi berpusatkan guru. Hal ini menyebabkan pelajar menjadi pasif dan kurang mengaplikasi kemahiran berfikir aras tinggi dalam proses pembelajaran. Kesannya, pelajar lebih cenderung untuk membentuk pemahaman tidak saintifik yang akan menjurus kepada pembentukan konsep alternatif. Permasalahan ini adalah rumit dan memerlukan penyelesaian terbaik dan segera. Justeru, mereka mendapati implementasi PBM berpotensi untuk mengatasi masalah yang dikenal pasti.

Kajian Ab Hakim & Iksan (2018) mendapati nilai min bagi tahap pengetahuan (min 3.55; tinggi), kemahiran pelaksanaan (min 3.43; sederhana) dan sikap (min 3.65; tinggi). Walaupun tahap pengetahuan guru berada tahap tinggi dan sikap guru adalah positif terhadap pendekatan PBM namun dari segi kemahiran pelaksanaan guru, masih lagi berada pada tahap sederhana. Manakala dapatan kajian Mahamod dan Hassan (2018) menunjukkan min bagi tahap pengetahuan (min 2.63; sederhana), kemahiran pelaksanaan (min 3.18; sederhana) dan sikap (min 3.63, tinggi). Walaupun guru mempunyai sikap yang positif terhadap penggunaan PBM dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS, mereka kurang pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan PBM. Justeru, lanjutan daripada kajian Ab Hakim & Iksan (2018) dan Mahamod dan Hassan (2018), guru-guru perlu diberi pendedahan berkaitan pengajaran yang berkonsepkan penyelesaian masalah supaya dapat melaksanakan pengajaran menggunakan pendekatan ini dengan lebih berkesan.

Thomas dan Surat (2021) telah melaksanakan kajian sorotan literatur terhadap 20 artikel dari tahun 2017 sehingga 2020 yang diperolehi dari empat pangkalan data iaitu EBSCOhost, ERIC, Google Scholar dan Research Gate. Dapatan analisis menunjukkan bahawa kaedah PBM berupaya meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi murid. Dapatan ini menyokong pernyataan Al Ghazalli (1983) dan selari dapatan kajian Ab Hakim & Iksan (2018), Mahamod dan Hassan (2018), Mohd Mokhzani dan Khairul (2021) berkaitan PBM. Pembelajaran menggunakan pendekatan ini berupaya merangsang pelajar untuk menggunakan kemahiran berfikir pada aras yang tinggi seperti mengaplikasi dan menganalisis masalah, menilai keputusan dan mencipta idea baharu bagi menyelesaikan masalah. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pendekatan ini memerlukan kesediaan pelajar untuk terlibat secara aktif dalam menyuarakan pendapat serta berkongsi idea dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Manakala peranan guru dilihat sebagai penggerak, pemudahcara dan pembimbing bagi memastikan pelaksanaan pendekatan ini mencapai objektif pembelajaran. Peranan guru sebagai pemudahcara yang aktif dalam memberi bimbingan kepada pelajar akan menjadikan suasana pembelajaran kekal positif dan dinamik. Oleh yang demikian, guru perlu membuat perancangan yang sistematik bagi membiasakan pelajar menggunakan pendekatan PBM.

Metodologi Kajian

Bagi mewujudkan sebuah modul digital yang dapat memenuhi keperluan guru sebagai pengguna, kajian keperluan yang menggunakan rekabentuk kualitatif ini dijalankan terhadap 5 orang guru sekolah di daerah Kubang Pasu. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual separa struktur dan teknik pensampelan bertujuan digunakan dalam pemilihan sampel. Protokol temubual telah disahkan kebolehgunaannya dalam kajian ini oleh pakar pembangunan modul sebelum digunakan. Transkrip temu bual dikategorikan dan dianalisis untuk mengenal pasti tema, memahami data dan seterusnya menjawab persoalan kajian berkaitan kandungan Modul Pendekatan PBM (Miles & Huberman, 2014).

Analisis Dan Dapatan Kajian

Dapatan kajian dilaporkan berdasarkan persoalan kajian.

Apakah Keperluan Kandungan Modul Pendekatan Pembelajaran Masalah (PBM)?

Kelima-lima responden menyatakan persetujuan dan menyokong diadakan Modul Pendekatan PBM.

Setuju sangat dengan idea ni. Nilai tambah kepada buku panduan sedia ada...biar banyak rujukan . Ada pandangan yang kata guna kaedah-kaedah pengajaran ni boleh bazir masa... walhal kaedah inilah yang bantu murid mudah faham(R1)

Setuju bangun modul tentang PBM . Dalam bentuk digital lagi bagus..bila-bila masa boleh rujuk (R2)

Saya sangat setuju dan menyokong penuh usaha puan dalam membangunkan modul ni. Biar ringkas, santai-santai tapi penuh ilmu yang mudah faham (R3)

Benda baik kita kena sokong dan bantu. Ilmu ni amal jariah (R4)

Cadangan untuk bangunkan modul ni sangat bagus. Cumanya isi kandungan modul ni biarlah boleh bagi orang yang baca tu betul-betul faham, tak jemu dan bagi content yang memang sangat diperlukan (R5)

Modul ini akan dapat dijadikan panduan dan rujukan semua guru untuk melaksanakan pendekatan PBM dan mengubah tanggapan guru terhadap PBM. Sebagaimana saranan pihak MAMPU iaitu penjawat awam perlu diberi kesedaran bahawa mereka mempunyai peranan yang amat besar dalam melahirkan sektor awam yang berimej baru dan bercirikan kekuatan inovasi dan kreativiti, peningkatan ilmu dan daya intelek serta pembudayaan nilai dan etika, dengan memberi penekanan khusus dalam aspek 'changing the mindset' (Jabatan Perdana Menteri, 1991).

PBM ni berpusatkan murid. Cikgu terang sikit-sikit, beri aktiviti dan murid kena fikir macam mana nak selesaikan. Cikgu bantu saja kalau-kalau ada yang murid stuck (R1)

PBM...Pembelajaran berasaskan masalah....bermakna beri masalah dan murid perlu selesaikanlah dengan cara macam mana sekalipun. Umpama cari ikan... cikgu bagi kail bukan bagi ikan (R4)


Pernyataan yang diusul R1 dan R4 selari dengan Ulger (2018) PBM menjurus kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar di mana guru tidak mendominasi aktiviti pengajaran dan pembelajaran sepenuhnya sebaliknya berperanan untuk mendorong pelajar mengurus dan mengawal pembelajaran mereka sendiri.

Berkaitan kandungan modul, R1 dan R3 menegaskan keperluan menjelaskan langkah-langkah atau tunjucara pelaksanaan PBM.

Modul yang ringkas, padat, mudah faham, praktikal...itu yang kami cikgu-cikgu harapkan. Modul yang tebal-tebal, padat...bila masanya kami nak baca.... banyak benda yang kami kena buat. Kalau dapat jelaskan macam step 1 buat ni, kemudian step 2 buat ni...step 3, step 4, sampailah step akhir... itu lagi bagus. Tapi dalam modul kita tak terus dengan step-step ni kan...mesti ada mukadimahnyanya. Pengenalan, PBM ni apa...sikit-sikit dalam bentuk point yang ringkas dan straight to the point...lagi bagus. Tak buang masa kami. Kami pun tertarik nak baca sampai habis (R1)

Kena tunjuk bagaimana nak laksanakan.... kena ada contoh....itu yang nak tengok sangat. Kalau baca saja...mmmm faham sendiri-sendiri lah. Betul tak betul, tak pasti... itukah PBM. Secara tak langsung, cikgu akan tertarik, ada rasa nak buat dan seterusnya mahir kaedah PBM (R3)

Bertepatan saranan Maxwell dan Dornan (1997) dalam Rajah 1, kuasa pengaruh tidak wujud secara semula jadi tetapi secara berperingkat. Peringkat pertama adalah peringkat di mana modul perlu menjadi model berkaitan aspek yang ingin dipengaruhi terhadap individu yang hendak dipengaruhi kerana manusia mudah terpengaruh dengan apa yang mereka lihat.



Rajah 1: Konsep Pengaruh

(sumber: Maxwell dan Dornan, 1997)

no matter what you tell your children to do, their natural inclination is to follow what they see you doing (Maxwell dan Dornan, 1997)


Ayat di atas menjelaskan tentang kuasa pemerhatian dalam mempengaruhi individu yang memerhati. Di sebabkan itu, peringkat dalam modul adalah mustahak bagi menimbulkan bibit-bibit pengaruh.

PBM ni kalau dibuat dengan betul, dah ada elemen Pembelajaran Abad Ke-21 yang 4C tu...kreativiti, kritis, komunikasi, kolaborasi. Jadi dalam modul tu kena nampakkan perkara-perkara ni. Susunan dalam modul tu kenalah berstruktur. Terang perkara asas terlebih dahulu, kemudian barulah ke peringkat yang lebih mendalam sikit (R2)

Bila nak laksanakan PBM ni atau apa saja kaedah, pokok utama adalah kena tahu. Kalau tak tahu, macam mana nak buat. Bila dah tahu PBM tu apa, apa kebaikan PBM, apa keburukan PBM, ciri-ciri PBM... haaaa baru lah boleh buat. Tapi kalau lah boleh tengok contoh mengajar guna PBM tu lagi bagus... lagi faham dan boleh cuba buat kaedah PBM ni. Lagi satu kena jelaskan impak positif kalau guna PBM. Macam makan ubat lah...kalau tak tahu kesan, buat apa nak makan. Ni kalau dah tahu boleh bagi murid mudah faham... lagi la rasa nak buat (R4)

Pengetahuan dan kemahiran tentang PBM penting. Saya cadangkan dalam modul yang nak dibuat nanti, kena cari jalan macam mana nak jelaskan tentang pengetahuan dan kemahiran ni. Pengetahuan ni perkara basic lah tentang PBM. Kemahiran pula tentang apa yang perlu kita buat nak menunjukkan ini adalah PBM (R5)

Pernyataan R2, R4 dan R5 menyebut tentang ciri-ciri modul yang diharapkan dan hal ini bertepatan dengan ciri-ciri modul oleh Meyer, 1988.



Rajah 2: Ciri-Ciri Modul

(Sumber: Meyer, 1988)

Pengkaji telah mengenal pasti empat tema utama iaitu: : (1) Pengetahuan guru berkaitan pendekatan PBM, (2) Kemahiran guru berkaitan pendekatan PBM, (3) Sikap guru berkaitan pendekatan PBM, dan (4) Ciri-ciri modul yang diharapkan. Jadual 1 menunjukkan rumusan dapatan analisis temubual berkaitan kandungan modul, hasil perincian transkrip temubual kelima-lima responden.

Jadual 1: Rumusan Dapatan Analisis Temubual Berkaitan Kandungan Modul

Bahagian	Objektif	Tema	Sub-tema
	Pada akhir topik ini, peserta akan dapat;		
1	mengetahui tentang PBM	Pengetahuan	Menjelaskan pengetahuan asas PBM <ul style="list-style-type: none"> i. Definisi PBM. ii. Teori-teori PBM. iii. Perbezaan antara kaedah PBM dan kaedah pembelajaran secara tradisional. iv. Persamaan antara kaedah PBM dan kaedah pembelajaran secara tradisional. v. Kelebihan melaksanakan kaedah PBM. vi. Ciri-ciri utama PBM vii. Peranan guru dalam melaksanakan pendekatan PBM
2	menguatkan kemahiran tentang PBM	Kemahiran	Tunjuk cara pelaksanaan PBM yang memberi penekanan terhadap elemen-elemen PBM berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Menyediakan rancangan mengajar dan bahan-bahan yang menyumbang kepada penyelesaian masalah bersama. ii. Mengagihkan murid-murid mengikut pelbagai latar belakang di dalam kumpulan. iii. Memberi ruang dan peluang kepada murid-murid untuk menstrukturkan kepimpinan kumpulan masing-masing. iv. Memberi arahan aktiviti yang jelas dan difahami pelajar v. Memberi penekanan kepada kemahiran dan penglibatan murid dalam menyelesaikan masalah. vi. Menyusun kedudukan pelajar yang boleh memudahkan pemerhatian dan pengawalan oleh guru serta

			<p>memudahkan proses perbincangan murid.</p> <p>vii.Memantau aktiviti pelajar</p> <p>viii.Memberi ruang yang luas untuk pelajar mengemukakan idea, pandangan dan dapatan dalam sesi perbincangan atau sesi pembentangan.</p> <p>ix.Memberi bantuan kepada kumpulan yang memerlukan bantuan interpersonal.</p> <p>x.Pemudah cara dan bukannya pemberi maklumat secara terus.</p> <p>xi.Memberikan pengredan dan peneguhan kepada pelajar selepas PBM.</p> <p>xii.Membuat penilaian dan refleksi terhadap keberkesanan pendekatan PBM yang digunakan.</p>
3	mengetahui PBM adalah salah satu kaedah pedagogi yang sesuai dalam pengajaran dan memperkembang PBM secara berkesan	Sikap	<p>Memberi penegasan tentang impak positif aplikasi PBM</p> <p>i.PBM boleh meningkatkan pencapaian akademik murid.</p> <p>ii.PBM boleh membentuk nilai-nilai murni dan interaksi sosial yang positif.</p> <p>iii.PBM mewujudkan suasana pembelajaran yang menggalakkan.</p> <p>iv.PBM akan berkesan apabila dilaksanakan dengan terancang.</p> <p>v.PBM mampu mengurangkan beban tugas guru.</p> <p>vi.Terdapat perubahan positif sikap murid terhadap PBM berbanding pembelajaran secara tradisional.</p> <p>vii.PBM adalah praktikal dari segi teori dan implementasi.</p> <p>viii.Pelaksanaan kaedah PBM memudahkan guru menghabiskan sukatan pelajaran.</p> <p>ix.PBM dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih terkawal.</p>
4		Ciri-ciri Modul	<p>i.Ringkas</p> <p>ii.Mudah difahami</p> <p>iii.Disertakan video tunjuk cara pelaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah</p>

Perbincangan dan Kesimpulan

Kajian analisis keperluan penting dalam mendapatkan maklumat tentang kandungan dan spesifikasi modul yang akan dibangunkan. Pembangunan modul perlu mengambil kira keperluan guru serta pengalaman sedia ada murid supaya modul yang dihasilkan sesuai digunakan guru untuk pembelajaran murid. Analisis data temubual telah mengenal pasti empat tema utama iaitu: (1) Pengetahuan guru berkaitan pendekatan PBM, (2) Kemahiran guru berkaitan pendekatan PBM, (3) Sikap guru berkaitan pendekatan PBM, dan (4) Ciri-ciri modul yang diharapkan oleh guru adalah ringkas, mudah difahami dan disertakan video tunjuk cara pelaksanaan pendekatan PBM. Sharifah Alwiah Alsagoff (1984) telah menyatakan bahawa modul yang baik ialah modul yang mudah diikuti dan difahami oleh peserta. Dapatan analisis keperluan ini akan digunakan pengkaji sebagai panduan untuk mereka bentuk dan membangunkan sebuah modul yang baik dalam fasa pembangunan modul yang seterusnya.

Penghargaan

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini khususnya pihak pengurusan tertinggi Institut Pendidikan Guru Malaysia dan Institut Pendidikan Guru Kampar Darulaman.

Rujukan

- Ab Hakim, N. A., & Iksan, Z. (2018). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru terhadap pembelajaran berasaskan masalah (PBM) dalam mata pelajaran Sains. *In Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018) (Vol. 5)*.
- Al-Ghazali (1983). *Pembendung Daripada Kesesatan*. Terj. Abdulfatah Haron Ibrahim. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Gagne, M. R., Wager, W. W., Golas, K. C., & Keller, J. M. (2005). *Principles Of Instructional Design (5th ed.)*. Belmont, CA: Wadsworth
- Jabatan Perdana Menteri (1991). *Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 4. Garis Panduan Mengenai Strategi-Strategi Peningkatan Kualiti Dalam Perkhidmatan Awam*. Dimuat turun dari <http://www.mampu.gov.my>.
- Mahamod, Z., & Hassan, J. (2018). Persepsi Guru Bahasa Melayu Tentang Penggunaan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan KOMSAS. *PENDETA*, 9, 41–50. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol9.4.2018>
- Maxwell, J.C. dan Dornan, J. (1997). *Becoming a Person of Influence*. United States of America: Thomas Nelson Publisher.
- Meyer, G.Rex (1988). *Modules From Design To Implementation*. Manila, Filipina: The Colombo Plan Staff for Technician Education.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (2014). *Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook, Edisi ke-2*. Thousand Oaks, CA: SAGE
- Mohd Mokhzani Ibrahim & Khairul Jamaludin. (2021). Strategi Pembelajaran Berasaskan Masalah. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Reviere, R. (1996). *Needs Assessment: A Creative And Practical Guide For Social Scientists (1st ed.)*. Taylor & Francis.
- Ros Eliana (2014). Model Dan Modul Pengajaran Integrasi Holistik Guru Pelatih Pendidikan Teknik Dan Vokasional. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1984). *Teknologi Pengajaran*. Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thomas, V., & Surat, S. (2021). Sorotan Literatur Bersistemik: Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Malaysian Journal of Social*

Sciences and Humanities (MJSSH), 6(12), 158 - 168.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i12.1211>

- Ulger, K. (2018). The Effect of Problem-Based Learning on the Creative Thinking and Critical Thinking Disposition of Students in Visual Arts Education. *The Interdisciplinary Journal of Problem-Based Learning*, 12(1).
- Witkin, B.R. and Altschuld, J.W. (1995). *Planning and Conducting Needs Assessments: A Practical Guide*. Sage Publications, Newbury Park.